

08/02/1998

Usah cepat ambil untung (HL)

Saodi Mat Atar; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan pelabur di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) supaya tidak mengambil keuntungan segera dengan menjual saham yang mula meningkat, minggu lalu.

Perdana Menteri yakin pelabur yang tidak terlalu awal mengambil keuntungan, dapat membantu mencergaskan pasaran saham dan mendorong mengukuhkan ringgit, sekali gus memulihkan ekonomi negara.

"Nilai saham akan naik lagi dan pelabur boleh membelinya kalau membawa balik wang yang disimpan di luar negara.

"Kalau kita bertindak bijak, mata wang dan pasaran saham akan pulih dan ini akan memulihkan ekonomi negara," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari lawatan rasmi ke Thailand, Filipina dan Singapura, semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas kenaikan harga saham di BSKL, kelmarin yang ditutup lebih tinggi dengan jumlah dagangan mencecah tahap satu bilion saham dengan indeks komposit bagi 100 saham terpilih meningkat 15.38 mata atau 2.16 peratus kepada 728.19 mata.

Ringgit pula terus kukuh dengan menjaukan jarak daripada tahap 4.000 apabila ditutup tinggi pada paras 3.8300/8700, iaitu tertinggi tahun ini berikutan kegiatan cergas belian luar pesisir yang disifatkan penganalisis sebagai keyakinan baru mulai timbul di pasaran tempatan serta serantau.

Berdasarkan perkembangan itu, Perdana Menteri yakin masalah ekonomi yang dihadapi sekarang boleh diatasi dalam tempoh enam bulan hingga setahun jika rakyat betul-betul berdisiplin dan mengikut arahan kerajaan dengan mengutamakan kepentingan negara.

Mengenai hasil lawatannya, Perdana Menteri berkata, Thailand, Filipina dan Singapura bersetuju secara prinsipnya untuk menggunakan mata wang sendiri dalam urusan perdagangan antara Asean.

"Secara prinsipnya mereka tidak menentang tapi mereka akan mengkaji sama ada baik atau tidak baik dengan penggunaan dolar Singapura sebagai mata wang Asean dan penggunaan mata wang negara-negara berkenaan dalam dagangan," katanya.

Dalam pertemuan empat mata lebih sejam dengan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong, di Kelab Golf Sentosa, semalam, kedua-dua Perdana Menteri membincangkan pelbagai isu dua hala serta cadangan Asean menggunakan mata wang masing-masing dalam perdagangan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan berusaha mengadakan pertemuan Gabenor Bank Pusat negara Asean segera dan bersedia menjadi tuan rumah untuk membincangkan cadangan itu.

"Jika dikehendaki kita akan menjadi tuan rumah dan membincangkan negara mana akan menjadi pusat rumah penjelasan.

"Rumah penjelasan dalam zaman teknologi maklumat yang canggih ini boleh diadakan di satu tempat dan semua negara akan mempunyai hubungan dengan pusat itu," katanya.

(END)